

# 1. PERATURAN PAKAIAN

## 1.1 PELAJAR LELAKI

### a. Baju Kemeja/Baju T

- i. Baju kemeja berkolar potongan biasa sama ada berlengan panjang atau pendek dibenarkan. Lain-lain jenis baju seperti baju T berkolar, baju T sukan atau seumpamanya dibenarkan untuk aktiviti riadah sahaja. **Baju T TIDAK BERKOLAR TIDAK DIBENARKAN.**
- ii. Baju hendaklah disisipkan ke dalam seluar.
- iii. Baju kemeja berlengan panjang hendaklah dibutangkan di pergelangan tangan dan tidak dibenarkan dilipat.
- iv. Pemakaian semua jenis jaket tidak dibenarkan ke kelas akademik. Baju panas (*sweater*) dibenarkan dalam keadaan tertentu saja.

### b. Seluar

- i. Kain seluar *slack* yang dibenarkan ialah daripada jenis *cotton* dan *synthetic material* (PVC atau *Polyster*).
- ii. Selain daripada jenis kain di atas **TIDAK DIBENARKAN.**
- iii. Fesyen seluar *slack* hendaklah tidak terlalu longgar *baggy*, *slim fit*, terlalu ketat dan berkaki singkat tidak dibenarkan. Paras kaki seluar hendaklah melepasi bawah buku lali dan **ukur lilit seluar di antara 36cm – 45cm / 14 inci - 18 inci. (adakah ulur lilit ini terpakai untuk semua tingkatan dan saiz pelajar)**

### c. Tali Pinggang

- i. Tali pinggang hendaklah dari jenis kulit atau PVC.
- ii. Lebar tali pinggang hendaklah di antara 2.5cm – 3.0cm dan berwarna hitam atau coklat tua. Tali pinggang yang berwarna-warni dan berbelang tidak dibenarkan.
- iii. Kepala tali pinggang hendaklah tidak terlalu besar (3cm x 3.5cm) dan tidak berlambang seperti lambang binatang, lambang keagamaan atau tulisan yang tidak sesuai dan tidak bermoral.

### d. Kasut dan Stoking

- i. Kasut sekolah hendaklah dari jenis kulit atau PVC berwarna hitam.
- ii. Pemakaian kasut bersama stoking adalah **DIWAJIBKAN**. Stoking hendaklah melepasi buku lali.
- iii. Stoking hendaklah berwarna **HITAM SAHAJA**.

### e. Tali Leher

- i. Tali leher rasmi maktab sahaja yang dibenarkan ketika mengenakan pakaian rasmi maktab.
- ii. Tali leher yang lain dibenarkan ketika mengenakan pakaian bukan pakaian rasmi maktab.

- iii. Tali leher hendaklah dipakai semasa upacara rasmi seperti kelas akademik, perhimpunan, majlis makan rasmi dan lain-lain.

f. Tutup Kepala

- i. Hanya songkok berwarna hitam sahaja dibenarkan pakai semasa majlis rasmi atau majlis yang bersesuaian.
- ii. Kopiah dan serban dibenarkan untuk tujuan menunaikan solat sahaja.
- iii. Topi dan *cap* dibenarkan untuk **tujuan bersukan dan beriadah** sahaja.

## 1.2 PELAJAR PEREMPUAN

a. Baju dan Kain

- i. Pelajar Muslim hendaklah memakai baju kurung dan menutup aurat untuk ke kawasan akademik dan pentadbiran.
- ii. Pelajar bukan Islam digalakkan memakai baju kurung dan dibenarkan memakai blaus berlengan panjang serta skirt labuh melebihi paras lutut.
- iii. Baju dan kain hendaklah tidak ketat dan jarang.

b. Tudung

- i. Tudung hendaklah berbentuk segi tiga depan dan belakang serta dijahit di bahagian depan.
- ii. Tudung dan anak tudung berwarna putih sahaja dibenarkan pada waktu akademik.
- iii. Warna lain dibenarkan di luar waktu akademik.
- iv. Tudung hendaklah tidak jarang, tidak bercorak serta perlu menutupi bahagian bahu dan dada.

c. Kasut dan stoking

- i. Kasut hendaklah jenis yang bersarung dan bukan dari jenis selipar atau sandal.
- ii. Kasut sekolah hendaklah dari jenis kulit atau PVC berwarna hitam.
- iii. Kasut berfesyen dan berwarna-warni tidak dibenarkan.
- iv. Ketinggian tumit tidak melebihi 2.5cm.
- v. Pemakaian kasut bersama stoking adalah **DIWAJIBKAN**. Stoking hendaklah menutupi melepasi buku lali.
- vi. Stoking hendaklah berwarna **HITAM SAHAJA**.

## 1.3 PAKAIAN LARANGAN

Pada bila-bila masa di dalam kawasan maktab, pelajar dilarang memakai/memiliki/menyimpan pakaian seperti berikut :-

- i. Semua jenis pakaian yang ditafsirkan sebagai mencolok mata atau pakaian yang mendedahkan aurat mengikut tafsiran Agama Islam atau pakaian ketat yang

memperlihatkan bentuk tubuh badan pemakainya atau pakaian yang ditafsirkan sebagai seksi atau bertentangan dengan nilai-nilai budaya dan moral masyarakat.

ii. Baju atau pakaian yang mempunyai gambar orang atau kumpulan seperti penyanyi, pemimpin politik, ahli sukan, gambar-gambar lucah atau gambargambar yang bertentangan dengan akidah Islam dan bertentangan dengan nilai-nilai murni budaya maktab serta negara.

iii. Baju atau pakaian yang bertulis dengan tulisan atau lakaran lucah, ganas atau bertentangan dengan nilai-nilai murni budaya bangsa dan negara.

iv. Semua jenis *jeans* dan *cotton slacks*.

v. Tali pinggang berkepala besar, *rugged*, berwarna-warni dengan tulisan/lakaran atau reka bentuk binatang, lucah, ganas dan sebagainya.

vi. Mini telekung atau tudung bulat labuh untuk pelajar perempuan.

vii. Tidak memakai baju, baju menampakkan pusat, berkemban, memakai tuala mandi sahaja dan berkaki ayam.

viii. Memakai baju T tidak berkolar (Pelajar lelaki sahaja).

ix. Memakai baju yang menyerupai tentera, polis atau agensi-agensi keselamatan lain.

x. Memakai pakaian yang selekeh, kotor, koyak, berbau busuk atau sengaja bertampal (fesyen).

#### 1.4 PERATURAN PAKAIAN UNTUK AKTIVITI MAKTAB

BIL.		PAKAIAN LELAKI	PAKAIAN PEREMPUAN
1.	Waktu Kelas Akademik	<p>Baju kemeja berlengan panjang berwarna <i>beige</i> muda dan seluar panjang berwarna coklat atau baju kemeja berlengan panjang berwarna biru muda dan seluar panjang berwarna biru tua.</p> <p>Berkasut kulit/PVC hitam dan berstoking hitam.</p> <p>Memakai tanda nama.</p> <p>Songkok berwarna hitam sahaja dibenarkan.</p> <p>Bertali leher maktab.</p> <p>Tali pinggang berwarna gelap (hitam/coklat). Lebarnya 2.5cm – 3cm dan berkepala (3cm x 3.5cm)</p>	<p>Baju kurung berwarna <i>beige</i> muda dan kain kurung berwarna coklat atau baju kurung berwarna biru muda dan kain kurung berwarna biru tua.</p> <p>Berkasut kulit/PVC hitam, bertumit tidak melebihi 2.5cm, berstoking hitam.</p> <p>Memakai tanda nama.</p> <p>Tudung hendaklah berbentuk segi tiga depan dan belakang berjahit serta menutupi di bahagian bahu dan dada.</p>

2.	Waktu Perhimpunan dan Upacara Rasmi	<p>Baju kemeja berlengan panjang berwarna beige muda dan seluar panjang berwarna coklat.</p> <p>Berkasut kulit/PVC hitam dan berstoking hitam.</p> <p>Memakai tanda nama.</p> <p>Songkok berwarna hitam sahaja dibenarkan.</p>	<p>Baju kurung berwarna beige muda dan kain kurung berwarna coklat.</p> <p>Berkasut kulit/PVC hitam, bertumit tidak melebihi 2.5cm, berstoking hitam.</p> <p>Memakai tanda nama.</p> <p>Tudung hendaklah berbentuk segi tiga</p>
----	-------------------------------------	--	--

		<p>Bertali leher maktab.</p> <p>Tali pinggang berwarna gelap (hitam/coklat). Lebarnya 2.5cm – 3cm dan berkepala (3cmx3.5cm)</p>	<p>depan dan belakang berjahit serta menutupi di bahagian bahu dan dada.</p>
3.	Badan Beruniform, Kelab/Persatuan	Pakaian yang ditetapkan oleh Badan Beruniform, Kelab/ Persatuan.	Pakaian yang ditetapkan oleh Badan Beruniform, Kelab/Persatuan.
4.	Kelas Pendidikan Jasmani & Pendidikan Kesihatan (Praktikal)	<p><i>Track bottom</i> warna hitam/ biru gelap. Baju T berkolar yang ditetapkan oleh maktab.</p> <p>Kasut sukan dan berstoking.</p>	<p><i>Track bottom</i> warna hitam/biru gelap. Baju T berkolar dan berlengan panjang yang ditetapkan oleh maktab.</p> <p>Kasut sukan dan berstoking.</p>

5.	Sukan & Permainan	<p><i>Track bottom</i> atau seluar pendek dengan <i>tights</i> berwarna gelap yang menutup aurat.</p> <p>Baju T tanpa bercetak (<i>Plain T-Shirt</i>) atau baju T rumah sukan.</p> <p>Kasut yang bersesuaian dengan sukan dan permainan.</p>	<p><i>Track bottom</i> berwarna gelap.</p> <p>Baju T tanpa bercetak (<i>Plain T-Shirt</i>) atau baju T rumah sukan berlengan panjang.</p> <p>Kasut yang bersesuaian dengan sukan dan permainan.</p>
6.	Aktiviti Badan Beruniform	<p>Berpakaian mengikut Badan Beruniform yang dianggotai.</p> <p>Kasut yang bersesuaian dengan aktiviti.</p>	<p>Berpakaian mengikut Badan Beruniform yang dianggotai.</p> <p>Kasut yang bersesuaian dengan aktiviti.</p>
7.	Keluar Bandar/ Pulang Bermalam/ Kembali ke Maktab	<p>Pakaian Batik Rasmi Maktab atau Pakaian Rasmi Maktab atau Baju T Rasmi Maktab atau baju koperat maktab.</p> <p>Kasut kulit/PVC hitam dan berstoking hitam.</p>	<p>Baju Kurung Batik Rasmi Maktab atau Pakaian Rasmi Maktab atau baju koperat maktab.</p> <p>Berkasut Kulit/PVC hitam dan berstoking.</p>
8.	Berkelah	<p>Baju T berkolar.</p> <p>Seluar <i>slacks/track bottom</i>.</p> <p>Kasut berstoking/Sandal bertali.</p>	<p>Baju T berlengan panjang.</p> <p>Seluar <i>slacks/track bottom</i>.</p> <p>Kasut berstoking/Sandal bertali.</p>

9.	Kerja luar mengikut Guru ( <i>fieldwork</i> )	Pakaian sesuai yang ditetapkan oleh guru pengiring.	Pakaian sesuai yang ditetapkan oleh guru pengiring.
10.	Solat Jumaat	Baju Melayu lengkap berwarna putih.  Bersampin maktab.  Bersongkok hitam.  Kasut/sandal.	Tiada.
11.	Majlis/Jamuan Rasmi.	Baju Melayu lengkap/pakaian rasmi maktab/baju batik maktab/pakaian yang ditetapkan oleh maktab.  Berkasut hitam dan berstoking.	Baju Kurung/pakaian rasmi maktab/baju batik maktab/pakaian yang ditetapkan oleh maktab.  Berkasut dan berstoking.
12.	Kelas Persediaan (Petang)	Pakaian rasmi maktab/baju kemeja/baju T berkolar dan seluar <i>slacks</i> .	Baju Kurung berwarna bebas dan tudung berwarna hitam.
		Berkasut dan berstoking.	Berkasut dan berstoking.

13.	Kelas Persediaan (Malam)	Baju Melayu/baju kemeja dan berseluar <i>slacks</i> .  Kasut/sandal.	Baju Kurung dan tudung berwarna hitam.  Blaus berlengan panjang dan skirt labuh melebihi paras lutut (untuk pelajar bukan beragama Islam).  Kasut/sandal.
14.	Hari Cuti	Kemas, bersih dan tidak mencolok mata.	Kemas, bersih dan tidak mencolok mata.
15.	Majlis Keagamaan	Baju Melayu lengkap, bersongkok serta bersesuaian dengan majlis.	Pakaian yang menutup aurat dan kemas serta bersesuaian dengan majlis.
16.	Surau	Baju Melayu lengkap/Baju Melayu dengan seluar panjang <i>slacks</i> atau jubah.  Baju kemeja atau baju T berkolar dengan seluar panjang <i>slacks</i> .  Bersongkok/kopiah dan serban.	Baju Kurung/memakai telekung sembahyang yang lengkap.  Jubah (kain yang tidak mengikut tubuh badan)
17.	Dewan Selera	Hari Persekolahan: Pakaian adalah seperti ke kelas.	Hari Persekolahan: Pakaian adalah seperti ke kelas.
		Malam/Hujung Minggu/Cuti Am: Pakaian mestilah kemas dan bersih.	Malam/Hujung Minggu/Cuti Am: Pakaian mestilah kemas dan bersih.
18.	Kelas Tambahan/ Kelas Gantian	Hari Persekolahan: Pakaian adalah seperti ke kelas.	Hari Persekolahan: Pakaian adalah seperti ke kelas.



		Hujung Minggu/Cuti Am: Pakaian mestilah kemas dan bersih.	Malam/Hujung Minggu/ Cuti Am: Pakaian mestilah kemas dan bersih.
19.	Pakaian Semasa Lawatan	Lawatan Rasmi: Pakaian adalah seperti ke kelas.	Lawatan Rasmi: Pakaian adalah seperti ke kelas.
		Lawatan Tidak Rasmi: Pakaian sesuai yang ditetapkan oleh guru pengiring.	Lawatan Tidak Rasmi: Pakaian sesuai yang ditetapkan oleh guru pengiring.

## 1.5 KAD PELAJAR

- i. Kad Pelajar hendaklah sentiasa dipakai semasa ke kelas akademik atau upacara rasmi maktab.
- ii. Kad Pelajar tidak boleh ditukar dengan Kad Pelajar orang lain.
- iii. Kad Pelajar tidak boleh diubahsuai atau diconteng dan tidak boleh mempunyai nama dalam bentuk samaran.
- iv. Kad Pelajar hendaklah dipakai dengan memaparkan bahagian hadapan.
- v. Kehilangan atau kerosakan Kad Pelajar hendaklah dilaporkan dengan segera kepada pentadbiran maktab.

## 1.6 PENAMPILAN DIRI

### 1.6.1 PELAJAR LELAKI

#### a. RAMBUT

- i. Rambut mestilah sentiasa pendek, tidak tebal dan tidak mencecah kolar baju.
- ii. Rambut mestilah bersih dan disikat rapi.
- iii. Membotakkan kepala tidak dibenarkan.
- iv. Mewarnakan rambut tidak dibenarkan.
- v. Stail rambut yang keterlaluan seperti *punk*, *trojan*, *skin head*, *bross*, *goza*, *flat top*, *mohican/mohawk*, *max headroom* dan lain-lain tidak dibenarkan.
- vi. Menyimpan jambul melebihi aras kening dan ekor rambut tidak dibenarkan.

#### b. MUKA

- i. Menyimpan misai dan janggut adalah **TIDAK DIBENARKAN.**
- ii. Jambang atau ekor pipit yang dibenarkan adalah 2cm sahaja.
- iii. Mencukur, mencabut dan mencorak bulu kening adalah tidak dibenarkan.
- iv. Pemakaian celak mata adalah **TIDAK DIBENARKAN.**

**c. CERMIN MATA/KANTA LEKAP**

- i. Tidak dibenarkan memakai cermin mata/kanta lekap kecuali atas nasihat doktor.
- ii. Cermin mata hendaklah tidak berbingkai besar atau terlalu kecil dan berwarna atau berfesyen.
- iii. Cermin mata/kanta lekap berwarna hanya dibenarkan setelah mendapat kebenaran doktor sahaja.
- iv. Memakai cermin mata hitam/gelap tidak dibenarkan.

**d. KUKU**

- i. Menyimpan kuku panjang tidak dibenarkan.
- ii. Mewarnakan kuku secara moden atau tradisional tidak dibenarkan.
- iii. Kuku hendaklah sentiasa bersih sepanjang masa.

**e. PEMAKAIAN AKSESORI/BARANG KEMAS**

- i. Memakai tangkal, azimat, aksesori dan barang kemas termasuk yang mempunyai lambang keagamaan **TIDAK DIBENARKAN.**
- ii. Bertindik (selain daripada telinga), bertatu, dan berinai **TIDAK DIBENARKAN.**

**1.6.2 PELAJAR PEREMPUAN**

**a. RAMBUT**

- i. Rambut hendaklah pendek, jika panjang mestilah diikat/didandan dengan pengikat rambut berwarna hitam, biru atau putih.
- ii. Rambut tidak boleh menutupi bahagian muka.
- iii. Rambut yang berfesyen dan berwarna tidak dibenarkan.
- iv. Rambut mesti kemas dan bersih.

**b. MUKA**

- i. Memakai alat solek seperti gincu, celak dan lain-lain tidak dibenarkan.
- ii. Mencukur, mencabut dan mencorak bulu kening adalah tidak dibenarkan.

**c. KUKU**

- i. Menyimpan kuku panjang tidak dibenarkan.
- ii. Mewarna kuku adalah tidak dibenarkan.
- iii. Kuku hendaklah sentiasa bersih sepanjang masa.


**d. CERMEN MATA/KANTA LEKAP**

- i. Tidak dibenarkan memakai cermin mata/kanta lekap kecuali atas nasihat doktor.
- ii. Cermin mata hendaklah tidak berbingkai besar atau terlalu kecil dan berwarna atau berfesyen.
- iii. Cermin mata/kanta lekap berwarna hanya dibenarkan setelah mendapat kebenaran doktor sahaja.
- iv. Memakai cermin mata hitam/gelap tidak dibenarkan.

**e. PEMAKAIAN AKSESORI/BARANG KEMAS**

- i. Memakai tangkal, azimat, aksesori dan barang kemas termasuk yang mempunyai lambang keagamaan tidak dibenarkan.
- ii. Bertindik (selain daripada telinga), bertatu, dan berinai tidak dibenarkan.

Rujukan: Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.2/1976



**Rambut bahagian hadapan**  
Rambut bahagian hadapan tidak boleh melebihi garisan tengah dahi

Pandangan Depan

**Garis tengah hidung**

Pandangan Sisi

Pandangan Belakang

**Jambang**  
Rambut tidak boleh menutup kedua-dua telinga atau sebahagian daripadanya dan "Sideburn" tidak melebihi garisan tengah hidung

**Rambut bahagian belakang**  
Rambut bahagian belakang tidak melebihi garisan bawah cuping dua telinga

Surat Pekeliling Iktisas No. 3/1983 (Kementerian Pelajaran Malaysia)

